


PENENTUAN ARAH KIBLAT MENGUNAKAN PANDUAN BURUJ BINTANG

Buruj bintang ialah satu kumpulan bintang yang berada di suatu kawasan langit yang hampir sama dan kelihatan berdekatan di antara satu sama lain. Para pemerhati purba telah mengenalpasti dan menamakan sesuatu buruj bintang berdasarkan bentuk yang mudah mereka kenali seperti bentuk-bentuk binatang, geometri dan seumpamanya. Menurut International Astronomical Union (IAU), langit dibahagikan kepada 88 kawasan buruj bintang dan dengan mengetahui bentuk buruj-buruj bintang tertentu, penentuan arah utara dan juga arah kiblat bagi sesuatu tempat dapat ditentukan.

Buruj Orion (Al-Babadur/Belantik)

Antara buruj yang memberi petunjuk terus ke arah kiblat ialah buruj Orion yang dikenali juga sebagai buruj Al-Babadur atau Belantik. Buruj ini mudah dikesan kerana terdiri daripada 3 bintang terang yang berkedudukan sejajar (berderetan) iaitu Al-Nitak, Al-Nilam dan Mintaka serta dikelilingi oleh beberapa bintang lain yang cerah. Arah kiblat bagi penduduk Malaysia dan negara sekitar dapat ditentukan dengan mengunjurkan ketiga-tiga bintang tersebut ke arah barat. Buruj Orion berada di langit Malaysia ketika waktu Subuh pada bulan Julai dan kelihatan tinggi di langit ketika tengah malam pada bulan Disember. Pada bulan Mac pula, buruj ini berada di tengah langit pada waktu Maghrib.




Buruj Orion/Belantik


Bintang Polaris (Al-Qutbi/Kutub)

Bintang yang sering digunakan untuk penentuan arah Utara ialah bintang Polaris, atau dikenal juga sebagai bintang Al-Qutbi dan bintang Kutub. Ia dinamakan sedemikian kerana terletak bertepatan dengan paksi putaran bumi (Kutub Utara) dan arah dua bintang selari dalam buruj Orion. Oleh itu, bintang ini dapat memberi panduan untuk kita menentukan arah Utara Benar dari mana-mana tempat di muka bumi ini. Bintang Qutbi terletak dalam buruj Ursa Minor, tetapi lebih mudah dikenalpasti melalui Buruj Ursa Major (Buruj Bajak). Buruj ini juga dikenali sebagai Buruj Timba atau Buruj Senduk dikalangan masyarakat utara Semenanjung Malaysia dan berada di langit ketika tengah malam pada bulan Julai hingga Disember. Setelah ditentukan arah Utara dengan berpandukan bintang Polaris, arah kiblat


dapat ditentukan berdasarkan perbezaan sudut sebanyak 68° ke kiri dari kedudukan bintang tersebut. Perbezaan sudut itu boleh dibuat dengan menggunakan kaedah 'Sudut Jari'. Walau bagaimanapun, penggunaan bintang Polaris adalah kurang popular di Nusantara berbanding bintang lain kerana kedudukannya yang rendah di ufuk agak menyukarkan penentuan arah kiblat dilakukan.



Bintang Polaris/Kutub



Kedudukan arah kiblat dari Bintang Polaris



Kaedah 'Sudut Jari'